

03 OCT 2002

Mahathir-Melayu

MELAYU JADI MINORITI SEPERTI DI S'PURA JIKA TERUS BERSENGKETA

MELAKA, 3 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata orang Melayu negara ini mungkin menjadi kumpulan minoriti seperti Melayu Singapura jika mereka enggan bekerja bersungguh-sungguh sebaliknya terus bersengketa sesama sendiri.

Perdana Menteri berkata, orang Melayu di negara ini pada suatu ketika dahulu nyaris mengalami nasib seperti Melayu Singapura sebagai kumpulan minoriti tetapi terselamat kerana kegawatan ekonomi pada tahun 1930 yang memaksa ramai pendatang dari China dan India pulang semula ke tanah air masing-masing.

Pada tahun-tahun 1925, 1926 dan 1927, bilangan orang Melayu kurang daripada kaum pendatang yang masuk ke negara ini untuk bekerja di lombong dan ladang getah, yang nampak peluang ekonomi yang ada di negara ini, katanya semasa sesi dialog Konvensyen Dunia Melayu Dunia Islam ke-3 di Tanjung Kling di sini.

Dr Mahathir berkata, orang Melayu pada ketika itu tidak mahu menggunakan peluang pekerjaan yang dilakukan oleh kaum pendatang itu.

"Jika tidak kerana kegawatan ekonomi 1930, apabila ramai orang Cina dan India kembali ke tanah air, sampai tahun 1945, jumlah orang Melayu tentu kurang daripada kaum lain. Kita hampir hilang Tanah Melayu," katanya.

Dr Mahathir berkata sejarah itu harus memberi pengajaran kepada orang Melayu di negara dan, oleh itu, mereka perlu bekerja bersungguh-sungguh bagi memastikan mereka cemerlang dalam semua bidang kegiatan.

"Kita harus jadi lebih baik daripada yang lain. Kalau jadi kulipun, jadi kuli yang lebih baik daripada kuli lain. Bukannya saya meminta orang Melayu menjadi kuli," katanya.

Sebelum itu, seorang peserta dari Singapura telah meminta Perdana Menteri memberi nasihat kepada orang Melayu republik itu.

Dr Mahathir berkata, orang Melayu Singapura, seperti juga orang Melayu di negara ini perlu terus berusaha supaya menjadi lebih baik daripada kaum-kaum lain.

Katanya sungguhpun ada pihak mendakwa kononnya Melayu Singapura lebih baik daripada Melayu Malaysia, hakikat yang dapat dilihat sekarang ialah, orang Melayu Singapura tidak diberi peluang memegang jawatan tinggi dalam pelbagai bidang termasuk ketenteraan.

Ketika ditanya lebih lanjut mengenai perkara itu pada sidang media kemudian, beliau berkata, orang Melayu di Malaysia pula sering berbalah sesama sendiri kerana mereka mungkin berasa selamat di negara ini.

"Dia berasa dia selamat, jadi bila berasa selamat, dia kira nak berkelahi," katanya.

Ditanya kemungkinan langkah kerajaan "memanjakan" orang Melayu dengan pelbagai bantuan menyebabkan mereka bersikap sedemikian, Perdana Menteri berkata kerajaan bukan memanjakan orang Melayu tetapi mahu membantu mereka.

Bagaimanapun orang Melayu sendiri menyalahgunakan bantuan yang telah diberikan kepada mereka dan ada juga orang Melayu yang menentang usaha baik kerajaan untuk kebaikan bangsa, kata Dr Mahathir.

"Setiap kali kita nak buat sesuatu untuk kebaikan orang Melayu, akan ada orang Melayu yang menentang.

"Umpamanya kita sedar tentang pentingnya penguasaan ilmu moden. Apabila kita cuba menggalakkan penguasaan ilmu moden, ada pihak yang datang kata ini adalah sekular dan orang Melayu harus tumpu semata-mata kepada ajaran agama.

"Dengan itu orang Melayu tidak mempunyai kebolehan, mereka tidak cekap dan

mereka sudah tentu jadi miskin dan lemah dan oleh itu akan ditindas," katanya.

Perdana Menteri berkata, dasar penggunaan bahasa Inggeris untuk mata pelajaran sains dan matematik di sekolah mulai tahun depan juga merupakan satu daripada usaha kerajaan untuk kebaikan orang Melayu.

"Tidak mungkin semua buku dan jurnal dalam bidang sains misalnya, dapat diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu, dan jika orang Melayu tidak menguasai bahasa Inggeris, mereka akan terus tercicir," katanya.

Beliau berkata jika orang Melayu belajar bahasa Inggeris, mereka akan dapat peluang mempelajari pelbagai ilmu tetapi ada pula pihak yang mendakwa kerajaan tidak sayang kepada bahasa Melayu.

"Sebenarnya kita sayang kepada bahasa. Bahasa bangsa yang lemah, yang maju tidak akan dipedulikan oleh sesiapa pun, tetapi bahasa bangsa yang maju akan tidak dikejar oleh orang lain dan kita sendiri juga akan kejar," katanya.

Dr Mahathir berkata bahasa Inggeris menjadi penting sekarang seperti juga bahasa Arab yang menjadi bahasa ilmu pada suatu ketika dahulu, sehingga ada pujangga Yahudi menulis dalam bahasa Arab kerana pada zaman itu orang yang menjejaki ilmu perlu belajar bahasa Arab.

"Saya ke sekolah dalam bahasa Inggeris dari peringkat sekolah rendah sehingga lulus sebagai doktor. Saya tak (pula) jadi Orang Putih, saya Melayu, barangkali lebih Melayu daripada sesetengah orang yang kata dia Melayu," katanya.

Mengenai pengecualian yang mungkin diberikan kepada sekolah-sekolah tertentu, beliau berkata kerajaan belum membuat keputusan muktamad kerana masih mengkajinya.

Dalam sesi dialog pada konvensyen itu juga, Perdana Menteri berkata, orang Islam gagal menggunakan hasil minyak yang terdapat di negara-negara Islam sebagai senjata untuk menjaga kepentingan Islam.

"Ini kerana di kalangan negara-negara pengeluar minyak sendiri tidak ada kesepakatan untuk mengawal pengeluaran dan harga," katanya.

Dalam ucapannya semasa merasmikan konvensyen itu, Dr Mahathir berkata orang Melayu dan umat Islam kini diserang dan ditindas bukan kerana mereka bersalah tetapi kerana mereka lemah.

Beliau menyarankan agar mereka memperkuat diri dengan menguasai ilmu pengetahuan agar dapat berusaha sendiri untuk meningkatkan ekonomi negara selain mempunyai pengetahuan untuk menyediakan peralatan-peralatan pertahanan bagi mempertahankan negara dan umat Islam.

-- BERNAMA

AFY MAI